

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 MAC 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia pengeluar produk bioaktif	Utusan Malaysia
2.	Malaysia bakal pengeluar pati semula jadi, bioaktif global	Berita Harian
3.	BiotechCorp lancar 25 ekstrak herba tempatan	Berita Harian Online
4.	MOSTI confident new technology will spearhead industry development	The Sun Daily
5.	BiotechCorp cadang buka pusat jualan di Dubai	Berita Harian
6.	BiotechCorp launches supercritical extracts	New Straits Times
7.	UNITEN laksana agenda transformasi	Berita Harian
8.	Bioalpha plans new plant	The Star
9.	Digi sedia panggilan percuma ke TalianNur	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 26 MAC 2015 (KHAMIS)

Malaysia pengeluar produk bioaktif

KUALA LUMPUR 25 Mac - Malaysia mempunyai keupayaan untuk menjadi salah sebuah negara pengeluar terkemuka bagi produk bioaktif premium dan ekstrak semula jadi menerusi penggunaan teknologi ekstrak bendalir superkritikal (SFE).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, perkara tersebut boleh dicapai kerana teknologi SFE merupakan platform terbaik dalam sektor penjagaan kesihatan, produk kosmetik dan perubatan.

Katanya, teknologi tersebut mempunyai kelebihan menghasilkan produk yang berkualiti tinggi sekali gus membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

"Terdapat peningkatan dari segi permintaan terutama bagi produk bioaktif dan ekstrak semula jadi dalam sektor penjagaan kesihatan

dan perubatan malah saya difahamkan pasaran global bagi aktiviti mengekstrak bahan semula jadi dianggarkan bernilai RM300 bilion menjelang 2020.

"Malaysia mempunyai biodiversiti yang baik dengan kepelbagaian spesies tumbuhan asli yang sesuai digunakan malah berpotensi menghasilkan produk ekstrak semula jadi untuk dikomersialkan melalui teknologi SFE ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelancaran 25 produk baharu ekstrak semula jadi menerusi teknologi SFE di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) kementerian,



EWON EBIN

Dr. Zulkifli Mohamed Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Biotech Corp.), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal.

Teknologi SFE mampu menghasilkan lebih 50 peratus kandungan minyak iaitu lapan hingga 10 kali ganda lebih sebatian antioksidan yang tinggi

dalam sesuatu produk ekstrak semula jadi.

Sementara itu, Ewon berharap teknologi SFE mampu memainkan peranan penting dalam industri seiring dengan matlamat kementerian yang menyasarkan pengkomersialan sebanyak 360 produk inovasi dalam tempoh lima tahun akan datang.



Ewon (tengah) bersama Mohd Nazlee (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim pada majlis pelancaran 25 pati herba dan rempah di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/ BH]

BAKAL PENGELUAR PATI SEMULA JADI, BIOAKTIF GLOBAL

» Kejayaan hasil kelompok pertama herba, rempah jadi pendorong

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berada pada landasan kukuh untuk muncul sebagai pengeluar utama pati semula jadi dan bioaktif premium global susulan kejayaan penghasilan kelompok pertama 25 pati herba dan rempah tempatan.

Pati semula jadi itu dihasilkan dengan menggunakan teknologi menguraikan bendalir superkritikal (SFE) di Pusat Bendalir Superkritikal Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penghasilan itu sekali gus membuka peluang kepada negara untuk meningkatkan lagi penerokaan pasaran kesihatan halal global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata teknologi SFE itu dibeli oleh Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) pada tahun

2009 daripada Belanda sejajar dengan usaha untuk memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pati semula jadi dan bahan bioaktif di negara ini.

Beliau berkata, pati semula jadi dan bahan bioaktif adalah komponen utama untuk menghasilkan produk kosmetik, penjagaan kesihatan, diri, kulit dan diet tambahan.

"Dalam Bajet 2015, sasaran ditetapkan untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengomersialkan 60 projek R&D setiap tahun bermula 2015, dengan jumlah keseluruhan 360 menjelang 2020.

"Dengan bantuan daripada peserta industri, platform teknologi SFE boleh memainkan peranan penting untuk mencapai sasaran itu," katanya pada majlis pelancaran 25 pati herba dan rempah dengan menggunakan teknologi SFE di Kuala Lumpur, semalam.

Bantu peladang tempatan

Ewon berkata, penghasilan pati semula jadi dan bahan bioaktif menerusi teknologi SFE itu bukan saja meningkatkan jumlah syarikat bioteknologi tempatan, malah ia turut membantu peladang tempatan menjana pendapatan lebih tinggi.

Beliau berkata, lanjutan usaha komersial pati semula jadi itu, ia akan mewujudkan peluang perniagaan kepada peladang atau

usahawan tani untuk menyediakan bahan mentah bagi menghasilkan pati semula jadi itu.

"Antara 25 pati semula jadi yang dihasilkan daripada teknologi SFE itu ialah pati kunyit, halia, limau purut, lada dan haruan.

"Pati yang dihasilkan itu adalah dalam bentuk minyak dan oleoresin yang sangat berharga," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata Pusat Bendalir Superkritikal di UPM adalah antara kemudahan SFE terbesar di rantau ini dan mampu menampung operasi pra-pengkomersialan dan komersial.

Beliau berkata, kemudahan SFE itu mampu menampung pengeluaran 200 liter pati semula jadi dengan menggunakan karbon dioksida sebagai medium pati bermutu tinggi dan selaras dengan standard antarabangsa.

"Penghasilan pati semula jadi daripada teknologi SFE ini juga menyediakan peluang kepada Malaysia untuk menembusi pasaran kesihatan global halal.

"Dari segi pendapatan, kami jangka teknologi superkritikal akan menjana RM1.3 juta tahun ini dan kami menasarakan untuk mencapai RM14 juta pendapatan menjelang 2020," katanya, sambil menambah bahawa BiotechCorp melabur RM8 juta untuk membawa masuk teknologi SFE itu ke negara ini.

BIOTECHCORP LANCAR 25 EKSTRAK HERBA TEMPATAN

Oleh Mahanum A Aziz
mahanum@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin (kanan dari kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal (kiri), Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim (kanan) dan Naib Presiden Kanan Pengurusan teknologi dan Inovasi Bahagian BiotechCorp, Dr Harcharan Singh (kiri dari) semasa Pelancaran Supercritical Fluid Pusat (SFC) pengekstrakan di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. - Foto Salhani Ibrahim

KUALA LUMPUR: **Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp)** hari ini melancarkan 25 ekstrak semula jadi daripada herba dan rempah tempatan yang dihasilkan menggunakan teknologi Supercritical Fluid Extraction (SFE) dari Belanda. Antara ekstrak semula jadi yang dihasilkan adalah ekstrak halia, limau perut, lada dan haruan.

Ekstrak yang dihasilkan itu akan digunakan untuk menghasilkan produk penjagaan kesihatan, diri dan kulit serta nutrien tambahan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin melancarkan ekstrak semula jadi berkenaan hari ini.

Dalam pada itu, BiotechCorp bercadang untuk membuka pusat jualan sehenti dikenali Bioshoppe di Dubai tahun ini bagi memasarkan produk keluaran syarikat berstatus BioNexus tempatan di pasaran antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata pembukaan pusat jualan sehenti itu akan menjadi platform utama untuk produk berasaskan bioteknologi khususnya kesihatan, kosmetik dan makanan tambahan keluaran tempatan menembusi pasaran global.

Beliau berkata, pihaknya dalam perbincangan dengan pihak yang berminat dari Dubai untuk membuka pusat jualan sehenti Bioshoppe di rantau itu yang menawarkan peluang pertumbuhan yang kukuh.

"Sambutan amat menggalakkan terhadap produk yang dihasilkan syarikat berstatus BioNexus tempatan ketika kami membuat pameran di Abu Dhabi.

"Kami melihat potensi permintaan yang sangat tinggi daripada komuniti Arab dan adalah baik untuk membuka Bioshoppe di rantau itu sebagai langkah permulaan menembusi pasaran antarabangsa," katanya ketika ditemui selepas pelancaran 25 pati semula jadi yang diekstrak daripada herba dan rempah tempatan di sini hari ini. Mohd Nazlee berkata, BiotechCorp bercadang untuk membuka 10 pusat jualan sehenti Bioshoppe di pasaran tempatan tahun ini.

Setakat ini, Biotechcorp sudah membuka cawangan pertama Bioshoppe di IOI Mall Puchong menerusi usaha sama dengan Nova Natural and Skincare (Nova). Bioshoppe diperkenalkan selepas menyedari sebahagian besar produk berasaskan bio yang dihasilkan syarikat berstatus BioNexus tempatan menghadapi kesukaran untuk memasarkan produk mereka.

"Bioshoppe ini menyediakan platform terbaik kepada syarikat berstatus BioNexus memasarkan produk mereka di pasaran umum," katanya sambil menambah pembukaan Bioshoppe itu juga bagi memastikan semua usaha serta pelaburan untuk R&D dalam industri bioteknologi tidak disia-siakan.

Setakat ini, sebanyak 248 syarikat berstatus BioNexus di negara ini. Status BioNexus diberikan kepada syarikat bioteknologi tempatan serta asing berkeelayakan yang mendapat sokongan daripada BiotechCorp dalam pelbagai aspek.



MOSTI CONFIDENT NEW TECHNOLOGY WILL SPEARHEAD INDUSTRY DEVELOPMENT

Posted on 25 March 2015 - 05:21pm

Last updated on 25 March 2015 - 05:34pm

Kenneth Tee

newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia is set to be on the map as the leading global producer of premium bioactive ingredients and natural extracts for the biotech industry.

This follows a new bio-based extraction technology used by **the Malaysian Biotech Corporation (BiotechCorp)**, said **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin**.

The global market for natural extracts is estimated to be at RM300 billion by 2020, he added when officially launching 25 natural extracts using Supercritical Fluid Extraction (SFE) technology here yesterday.

The extracts were produced by BiotechCorp and University Putra Malaysia (UPM). He said one of his ministry's strategic drive was to harness and intensify homegrown research and development, technology purchasing and innovation for local and international markets.

SFE technology application and development is a collaboration between BiotechCorp and University Putra Malaysia (UPM) where the Supercritical Fluid Centre (SFC) is located.

SFE technology uses carbon dioxide as a non-toxic extraction media to obtain high quality extracts and is able to overcome various limitations faced by conventional method in the pharmaceutical, cosmetics and healthcare product manufacturing.

"The application of this platform technology lies in high growth sectors such as wellness and healthcare, while Malaysia is blessed with biodiversity richness and various native plant species," he said.

He was therefore confident that this technology would work well here as "we are able to leverage on this unique advantage to produce bioactive ingredients and natural extracts at a lower cost."

BiotechCorp cadang buka pusat jualan di Dubai

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) ber-cadang membuka pusat jualan sehenti dikenali Bioshoppe di Dubai tahun ini bagi memasarkan produk keluaran syarikat berstatus BioNexus tempatan di pasaran antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata pembukaan pusat jualan sehenti itu akan menjadi platform utama untuk produk berasaskan bioteknologi khususnya kesihatan, kosmetik dan makanan tambahan keluaran tempatan menembusi pasaran global.

Jalin kerjasama

Beliau berkata, pihaknya akan menjalin kerjasama dengan pihak yang berminat dari Dubai untuk membuka pusat jualan sehenti Bioshoppe yang pertama di rantau itu.

"Sambutan amat menggalakkan terhadap

produk yang dihasilkan syarikat berstatus BioNexus tempatan ketika kami membuat pameran di Abu Dhabi.

"Kami melihat potensi permintaan yang sangat tinggi dari komuniti Arab dan adalah baik untuk membuka Bioshoppe di rantau itu sebagai langkah permulaan menembusi pasaran antarabangsa," katanya ketika ditemui selepas pelancaran 25 pati semula jadi yang diproses daripada herba dan rempah tempatan di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Nazlee berkata, BiotechCorp bercadang untuk membuka 10 pusat jualan sehenti Bioshoppe di pasaran tempatan tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya sudah membuka cawangan pertama Bioshoppe di IOI Mall Puchong menerusi usaha sama dengan Nova Natural and Skin-care (Nova).

Katanya, Bioshoppe

diperkenalkan selepas menyedari sebahagian besar produk berasaskan bio yang dihasilkan syarikat berstatus BioNexus tempatan menghadapi kesukaran untuk memasarkan produk mereka.

Platform terbaik

"Dengan adanya Bioshoppe ini menyediakan platform terbaik kepada syarikat berstatus BioNexus memasarkan produk mereka di pasaran umum," katanya.

Malah, katanya, pembukaan Bioshoppe itu juga bagi memastikan semua usaha serta pelaburan untuk R&D dalam industri bioteknologi tidak disia-siakan.

Setakat ini, sebanyak 248 syarikat berstatus BioNexus di negara ini.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat bioteknologi tempatan serta asing berkeelayakan yang mendapat sokongan daripada BiotechCorp dalam pelbagai aspek.

BiotechCorp launches supercritical extracts

LIDIANA ROSLI

KUALA LUMPUR: Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd (BiotechCorp) is solidifying its position within the halal bio-economy with the launch of its new technology platform, the Supercritical Fluid Extraction (SFE).

It launched 25 new supercritical extracts under its new SFE platform yesterday, which it expects to be a new revenue contributor to the company as well as to the country's economy in the long term.

"In terms of revenue, we expect the SFE technology to contribute RM1.3 million this year, from the overall biotechnology aim of RM14 million in revenue by 2020. We target to create 15 entrepreneurs in Malaysia by utilising the new platform," BiotechCorp chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said at the launch, here, yesterday.

The SFE commercial-scale technology platform was acquired from Netherlands-based FeyeCon in 2009 and is placed at the RM8 million-worth Supercritical Fluid Centre, Universiti Putra Malaysia, which is one of the biggest SFE facilities in the region.

"The SFE technology can satisfy the need by offering clean and solvent-free halal extracts.

He said the new platform will allow the firm to venture further into the lucrative market for halal bio-based products locally and globally.

UNITEN laksana agenda transformasi

» *Komitmen diterus dalam bidang pendidikan, penyelidikan, inovasi*

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan adalah perkara yang paling dititik beratkan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dalam meningkatkan mutu pendidikan serta terus kekal sebagai sebuah universiti yang unggul dalam bidang penyelidikan dan meningkatkan merit akademik.

Seiring dengan aspirasi Tenaga Nasional Berhad (TNB), UNITEN melaksanakan komitmennya terhadap agenda transformasi TNB menerusi pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

Komitmen padu ini sekali gus menyokong usaha dilakukan UNITEN dalam memenuhi visinya menjadi universiti peneraju dalam bidang tenaga pada peringkat global yang dapat membentuk masa depan yang mapan.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (iRMC) Prof Madya Ir Dr Lariyah Mohd Sidek, berkata, bagi melaksana visi itu, UNITEN memilih tema strategiknya **BOLD** (*Breakthrough Operation Leading towards Energy University and Sustainable Development*).

"Tema ini bertujuan memberi aspirasi dalam mempromosikan inovasi dan kecemerlangan penyelidikan ke arah inovasi berasaskan ekonomi.

"UNITEN mewujudkan satu saluran bercampur yang menggabungkan rangkaian perniagaan, pameran hasil penyelidikan dan pembangunan dan inovasi yang dilaksanakan oleh kakitangan UNITEN yang dapat menyumbang ke arah ilmu pengetahuan terkini dan lebih maju, meningkatkan taraf kehidupan dan masyarakat serta



Dr Lariyah Mohd Sidek

melakukan transformasi produk penyelidikan kepada perniagaan (R2B) menerusi pengkomersialan," katanya.

Satu daripada inisiatif UNITEN untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan dan pada masa sama memenuhi keperluan masyarakat dan TNB, penyelidikan kebiasaannya dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

● Sifat ingin tahu - memacu penyelidikan (Lanjutan/Kejayaan/Asas) bermatlamat untuk membangunkan pengetahuan baru atau teknologi dalam bidang khusus untuk tempoh panjang di masa akan datang. Penyelidikan ini lebih strategik dan lebih fokus bagi menghadapi pelbagai kemungkinan yang bakal dihadapi.

● Penyelidikan gunaan (Gunaan/Penyelidikan Berisiko Tinggi) bermatlamat menyelesaikan masalah semasa dalam operasi industri dan kebiasaannya dalam tempoh singkat.

"Sekiranya kedua-dua kategori penyelidikan ini dilaksanakan secara bersepadu, ia akan membantu TNB memenuhi keperluan teknologi dan cabaran yang dihadapi dalam industri tenaga di masa akan datang dan pada masa sama menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penyediaan operasi industri elektrik semasa," katanya.

Penyelidikan berkualiti
UNITEN mempunyai tiga pusat penyelidikan di peringkat universiti iaitu Institut Polisi dan Penyelidikan Tenaga (IEPRE), Pusat Tenaga Diperbaharui (CRE), Pusat Kejuruteraan Kuasa. Terdapat lebih 25 pusat penyelidikan peringkat

kat kolej di UNITEN.

Dalam memperluaskan aktiviti R&D di UNITEN, satu pelan baharu dibangunkan dengan memberi fokus kepada lima kluster iaitu *Sustainable Clean Energy, Energy Infrastructure, ICT, Energy and Social Sustainability* dan *Power & Energy Services Convergence*.

Keupayaan UNITEN dalam melaksanakan penyelidikan berkualiti tinggi mendapat kepercayaan apabila berjaya meraih geran penyelidikan dari beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta geran penyelidikan antara-bangsa dari Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA), Agensi Tenaga Atomik Antarabangsa (IAEA), Akademi Sains Dunia (TWAS) dan UNESCO.

Antara pencapaian penyelidik UNITEN termasuklah memenangi 33 pingat (10 emas, 20 perak dan tiga gangsa) di Pameran Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX 2014). Tiga pingat emas di Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA).

UNITEN turut memenangi empat pingat emas di Pameran Ciptaan Antarabangsa Seoul (SIIF 2013), dan tiga pingat emas di Ekspo Ciptaan dan Produk Baru (INPEX'13).

"Pencapaian ini membuktikan penyelidik UNITEN mempunyai pengetahuan dan kemahiran mencipta inovasi dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Lariyah berkata, UNITEN juga menyediakan platform kepada penyelidik untuk memaparkan produk penelitikannya dan berkongsi idea seperti tenaga diperbaharui, kejuruteraan kuasa, grid pintar, teknologi hijau, perniagaan dan ekonomi tenaga, pemuliharaan alam sekitar, ICT dan peningkatan dan kehidupan mapan.

UNITEN turut mengadakan Ekspo Penyelidikan (UNIREX), dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Inovasi dan Penyelidikan (iRMC) UNITEN bertemakan 'Powering for Better Brighter Future'.

Bioalpha plans new plant

Ace Market candidate expects to raise RM20mil from listing

By SHARIDAN M. ALI
sharidan@thestar.com.my

BANGI: Bioalpha Holdings Bhd, en route to listing on the Ace Market of Bursa Malaysia early next month, is expected to raise about RM20mil in proceeds that will mainly be utilised as working capital, for the construction of a new factory, research and development as well as e-payment of borrowing.

Managing director cum chief executive officer William Hon Kok Tian is currently the single largest shareholder of the integrated health supplement company.

Other two major shareholders are Malaysia Technology Development Corp (MTDC) and Perbadanan Nasional Bhd. Both have been with the company since 2008 and 2014 respectively.

Bioalpha is principally involved in the manufacturing and sales of semi-finished and finished health supplement products as an original design manufacturer (ODM) as well as

under its house brands.

The company, which is launching its prospectus today, is expected to maintain its dividend policy of 30% of its after-tax profit.

Bioalpha's listing is expected to attract investor interest as the counter will be involved in full-value chain – from farming to retailing – of the lucrative health supplement products.

The company posted net profit of RM6.3mil on the back of RM24.5mil revenue for the year ended Sept 30, 2013.

"Our core business and strength lie on our ODM segment serving multinational clients with health products available in local pharmacies.

"We have our own farms in Desaru and Pasir Raja planted with local herbs such as roselle, kacip fatimah and misai kucing. Additionally, we have two factories in Semenyih and Bangi and a flagship Lifesprings pharmacy in Solaris Mon't Kiara.

"We plan to add more outlets throughout

the year and currently we are among eight anchor companies chosen by Pemandu to do clinical trials to substantiate two herb-based medicine products for diabetes and lessen menopause symptoms

"Health supplements industry is a growing and recession-proof industry and we are targeting to serve more of the middle-income consumer market in line with the improving socio-economic demographic of the country," he told *StarBiz*.

Hon pointed out that Bioalpha also managed to "clone" expensive herbs such as quadriceps through its patented fermentation process that lowered the cost of importing of the once a year harvested plant without compromising its original health benefits.

"We also have three of our own in-house brandnames which feature an array of more than 100 products

"Our farms also supply raw materials to other health supplement manufacturers," he said.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)



Digi sedia panggilan percuma ke TalianNur

SETIAP kanak-kanak yang lahir ke dunia ini mempunyai hak untuk hidup selamat dan dilindungi agar dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

Namun, tidak semua daripada mereka bernasib baik memperoleh hak tersebut apabila sesetengahnya menjadi mangsa penganiayaan dan penderaan oleh individu tidak berhati perut.

Sebagai ahli masyarakat yang prihatin tanpa mengira perbezaan latar belakang, agama, warna kulit dan bangsa, seharusnya perlu ada sikap ambil tahu dengan keadaan sekeliling

terutama terhadap kanak-kanak yang dizalimi.

Bagi meningkatkan kesedaran itu, Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Childline Malaysia, menawarkan panggilan percuma ke talian bantuan 24 jam, iaitu TalianNur dan Childline 15999

Inisiatif tersebut merupakan lanjutan kepada *CyberSAFE in Schools*, sebuah program oleh *CyberSecurity Malaysia* hasil kolaborasi

dengan Kementerian Pelajaran, Childline Malaysia dan Digi.

Usaha tersebut juga selaras dengan matlamat Digi untuk memberikan akses Internet yang selamat kepada keluarga dan kanak-kanak berdepan dengan pengalaman buruk ketika melayari Internet.

Menteri KPWKM, **Datuk Sri Rohani Abdul Karim**, berkata, dunia hari ini menyaksikan bagaimana Internet menjadi begitu penting dengan semakin ramai menjadikan kemudahan itu sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka.

"Malangnya ancaman siber juga semakin meningkat. Sehubungan itu kita perlu mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan anak-anak kita selamat ketika mereka melayari Internet.

"Usaha ini merupakan contoh terbaik bagaimana sektor awam boleh bekerjasama

dalam menangani isu yang menjejaskan negara ini," katanya.

Berkuat-kuasa serta merta, keluarga yang terjejas dengan isu penderaan terutama pada kanak-kanak boleh menghubungi secara percuma ke TalianNur dan Childline 15999 melalui semua nombor prabayar Digi.

TalianNur merupakan talian bagi bantuan awal untuk mangsa keganasan domestik dan bencana alam, manakala Childline merupakan talian bantuan 24 jam untuk kanak-kanak dan remaja yang mahu mendapatkan maklumat, berkongsi perasaan dan mendapatkan bantuan.

Sementara itu, Pengurus Projek Digi bagi *Safe Internet*, **Philip Ling**, berkata, pihaknya amat mengambil berat terhadap isu keselamatan kanak-kanak dan melindungi kanak-kanak di Internet.

"Dengan peningkatan kadar jenayah siber terutama yang menyasarkan kanak-kanak sebagai mangsa, kami mahu memastikan bahawa mereka dilindungi secukupnya daripada sebarang kemungkinan bahaya di Internet.

"Ini termasuk memberikan akses mudah untuk mereka mencari bantuan. Kami terdorong untuk melakukan perkara ini ekoran tinjauan melalui program *CyberSAFE in Schools* menunjukkan bahawa sesetengah kanak-kanak tidak mengetahui adanya talian di Internet atau di telefon yang boleh terus pusat-pusat bantuan seperti Childline bagi mendapatkan jaringan keselamatan terhadap masalah dihadapi.

"Sekarang kanak-kanak dengan mudah boleh membuat panggilan bagi mendapatkan bantuan tanpa rasa bimbang mengenai kos," katanya.